

TARIKH : 25/1/2023

SURAT KHABAR : METRO

MUKA SURAT : 23

# Cepat kembali kerja

*KPJ Healthcare, Perkeso bekerjasama pulihkan fizikal pesakit*

Kuala Lumpur

**K**PJ Healthcare Berhad (KPJ Healthcare) memeterai Perjanjian Kerjasama Strategik dengan Pertubuhan Keselamatan Sosial (Perkeso) melalui anak syarikat milik penuhnya, Pusat Rehabilitasi Perkeso untuk membantu memulihkan pesakit dari segi fizikal, vo-kasional dan psikologi sebelum kembali menjalani kehidupan normal.

Melalui kerjasama awam-swasta dua tahun ini, KPJ Healthcare menyediakan rawatan dan perkhidmatan pemulihan kepada individu dilindungi Perkeso dengan laporan komprehensif dan kakitangan berdedikasi untuk memantau dengan teliti perkembangan pemulihan individu terbabit di fasiliti KPJ Healthcare terpilih.

Perkhidmatan ini termasuk rawatan pesakit dalam, penjagaan kejururawatan, fisioterapi atau terapi pekerjaan dan pertuturan, bergantung kepada keperluan pesakit.

Ia sebahagian daripada usaha meningkatkan kebolehcapaian perkhidmatan pemulihan kepada lebih ramai individu berinsurans di bawah Perkeso dengan menempatkan pesakit ini di fasiliti KPJ Healthcare, bagi membolehkan mereka me-



DARI kiri, Pemangku Ketua Pegawai Operasi KPJ Healthcare, Datuk Mohamad Farid Salim; Norhaizam; Pengarah Eksekutif Pusat Rehabilitasi Perkeso, Datuk Dr Hafez Hussain dan Ketua Pegawai Perubatan Pusat Rehabilitasi Perkeso, Dr Nur Liyana Kahar pada majlis memeterai Perjanjian Strategik Bersama antara KPJ Healthcare dan Perkeso.

nerima rawatan dan kembali bekerja secepat mungkin.

Ketua Eksekutif Perkeso, Datuk Seri Dr Mohammed Azman Aziz Mohammed berkata, melalui perkongsian strategik ini, pihaknya dapat menyediakan langkah pencegahan awal, perkhidmatan pemulihan komprehensif dan meningkatkan kebolehcapaian perkhidmatan pemulihan kepada lebih ramai orang berinsurans Perkeso di Hospital Pakar KPJ di seluruh negara.

"Proses pemulihan dipercepatkan dan dioptimumkan supaya pesakit boleh

kembali bekerja dan menyerah kepada keluarga mereka.

"Ini selaras matlamat Program Return-To-Work (RTW) Perkeso yang menelekkan langkah pencegahan awal dan pemulihan intensif," katanya dalam kenyataan.

Sementara itu, Pegawai Pimpinan (OIC) KPJ Healthcare, Norhaizam Mohammad berkata, untuk memaksimumkan semua kapasiti penjagaan kesihatan sedia ada di Malaysia dengan berkesan dan merapatkan jurang, KPJ Healthcare dengan sepenuh hati berusaha membina dan memupuk jalinan kerjasama dengan rakan kongsi yang sesuai untuk perkara selari dengan nilai teras Kumpulan.

"Kami berbesar hati bekerjasama secara strategik dengan Perkeso dalam memastikan kesinambungan penjagaan, terutama untuk pesakit cedera atau kurang upaya.

"Sejak Jun tahun lalu, kami menerima pesakit dari Perkeso di Hospital Pakar KPJ Sabah dan baru-baru ini di Hospital Pakar Damansara 2. Kami berharap dapat menawarkan lebih banyak kemudahan KPJ Healthcare melalui perkongsian strategik ini," katanya.